

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN

2015

ISI KANDUNGAN :

BIL	TARIKH	TAJUK
JANUARI		
1.	2 Januari 2015	Kerjasama ATM dan JKR Baik Pulih Jalan dan Jambatan Terputus Akibat Banjir
2.	4 Januari 2015	Pelancaran Sukarelawan 1Mindef
3.	6 Januari 2015	Sumbangan BAKAT dan Perkembangan Terkini Ops Murni
JULAI		
4.	3 Julai 2015	Kenyataan Media Berkaitan Isu Etika Pemakaian Di Kementerian Pertahanan

Kenyataan Media
YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia

Kerjasama ATM dan JKR Baik Pulih Jalan dan Jambatan Terputus Akibat Banjir

Subang, 2 Januari 2015

Saya dan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Seri Fadillah Yusof, telah bersetuju untuk melaksanakan kerjasama bersepadu antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi membaik pulih jalan yang terputus serta jambatan yang runtuhan akibat bencana banjir.

Setakat ini, kedua-dua pihak telah mengenal pasti sebuah jalan dan dua buah jambatan untuk melaksanakan kolaborasi tersebut. Jalan dan jambatan tersebut ialah:-

- i. Jalan antara Kg Jongok Batu ke Kg Pasir Raja, Dungun, Terengganu- jalan runtuh.
- ii. Jambatan Sg Stelu, Gua Musang, Kelantan (Jalan Gua Musang-Jelawang-Dabong)- jambatan runtuh.
- iii. Jambatan Sg Tanum di Lipis, Pahang (Jalan Bkt Betong-Aur Gading-Chegar Perah)- jambatan runtuh.

Selain kerjasama untuk membaik pulih jalan dan jambatan, pihak Kementerian Kerja Raya melalui JKR dan PLUS sedia membantu menghantar bekalan banjir yang dikumpulkan di Pusat Pengumpulan, Pangkalan TUDM Subang, ke kawasan-kawasan dilanda banjir menggunakan jalan darat.

Justeru, hari ini saya dan Dato' Seri Fadillah meluangkan masa mengadakan lawatan kerja ke Pusat Pengumpulan Bekalan Banjir di TUDM Subang. Daripada tinjauan ini, didapati lebih kurang 90 peratus bekalan di pusat ini telah diedarkan ke kawasan-kawasan banjir. Ketika ini, hanya tinggal 10 peratus bekalan sahaja di pusat ini. Bagaimanapun, angka ini berubah setiap hari bergantung kepada sumbangan daripada pelbagai pihak serta penghantaran yang dibuat.

Selepas meninjau Pusat Pengumpulan di TUDM Subang, saya dan Dato' Seri Fadillah kemudiannya akan turun padang melihat keadaan di Jalan Jongok Batu, Dungun, Terengganu, yang akan dibaik pulih melalui kerjasama ATM dan JKR, serta bertemu dengan mangsa-mangsa banjir di negeri tersebut.

Manakala esok, saya akan mengadakan lawatan kerja ke Kuala Lipis, Pahang, bagi meninjau keadaan Jambatan Sg Tanum yang juga akan dibina semula melalui kerjasama ATM dan JKR.

Di pihak ATM, Skuadron Jambatan dari Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) akan membantu membina Jambatan Sg Stelu dan Jambatan Sg Tanum. Manakala Jurutera Skuadron Medan dari Pasukan 9 Skuadron RAJD yang berpengkalan di Terengganu akan

membantu membaik pulih Jalan Jongok Batu.

Setakat semalam (1 Januari 2015), pihak ATM telah melaksanakan sebanyak 278 penerbangan (Sortie) bagi menjayakan operasi Ops Murni di seluruh negara, iaitu sejak 25 Disember 2014 lalu. Manakala sebanyak 620 tan bekalan banjir telah disalurkan melalui Pusat Pengumpulan di Pangkalan Udara TUDM Subang ke negeri-negeri terlibat banjir.

Sementara itu, bagi memudahkan pengagihan bekalan untuk negeri yang terlibat dengan bencana banjir, pusat kecil pengumpulan bekalan (sub centre) telah diwujudkan. Pusat ini diwujudkan bagi menerima bantuan daripada pusat pengumpulan utama serta sumbangan daripada kawasan setempat. Pusat ini diuruskan oleh Markas/Briged/Unit tentera di negeri atau kawasan tertentu. Ia beroperasi 24 jam. Berikut ialah pusat-pusat yang terlibat :

i. Batalion Ke-6 Rejimen Askar Melayu Diraja,
Kem Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (6 RAMD),
06000 Jitra, Kedah.

Pegawai penyelaras : Lt Kol Muhd Fauzi Abu Bakar (0197705573).

ii. Dewan Serbaguna Markas 3 Divisyen,
Kem Terendak, 76200 Melaka.

Pegawai penyelaras : Lt Kol Hazmi Abd Hamid (0123031356).

iii. Dewan 2 Briged, Markas Staf Stesen Ipoh,
Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak.

Pegawai penyelaras: Mej Shahril Sharani (0196675590).

Dewan Piyuntinan, Batalion Ke-2 Rejimen Renjer Diraja,
Kem Syed Putra, Jalan Tambun,
31400 Ipoh, Perak

Pegawai penyelaras : Mejar Mohd Zaili Mohd Ali (0168303402).

Sehingga hari ini, lebih 5,000 anggota ATM telah ditugaskan dalam Ops Murni. Jumlah ini termasuk 3,745 anggota yang bertugas di barisan hadapan.

Manakala, dari segi aset ATM pula, antara yang telah digerakkan setakat ini ialah 3 buah helikopter Nuri, 3 buah helikopter Agusta, 6 helikopter EC725, 5 pesawat C130, 2 helikopter Fennec, 2 helikopter Super Lynx, 125 trak 3 tan, 73 bot, 84 enjin bot OBM, 29 Land rover, 25 trak 7 tan TATRA, 4 water treler, 16 Dapur Medan, 6 ambulan, pasukan selam dan pasukan perubatan.

- tamat -

Kenyataan Media
YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia

Pelancaran Sukarelawan 1Mindef

Kota Bahru, 04 Januari 2015

Hari ini saya melancarkan Sukarelawan 1Mindef yang melibatkan sukarelawan dari kalangan warga Kementerian Pertahanan iaitu pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Brigid Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN), askar wataniah dan Sukarelawan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), serta NGO lain termasuk Institut Onn Jaafar (IOJ), Universiti Tun Hussein Onn dan IM4U.

Selain menjadi pemangkin kepada hasrat kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir, antara objektif lain penubuhan Sukarelawan 1Mindef adalah memperkuuh semangat perpaduan dan kerjasama dalam diri setiap anggota sukarelawan dan masyarakat sekali gus melahirkan generasi yang mempunyai rasa kecintaan dan semangat patriotisme yang tinggi kepada negara.

Pada masa yang sama, Sukarelawan 1Mindef ini akan dijadikan medan untuk memberi peluang kepada setiap ahlinya khususnya generasi muda bagi memberi khidmat bakti kepada negara melalui program yang bermanfaat. Justeru, pihak Kementerian Pertahanan sedia membuka ruang kepada pihak-pihak lain untuk melibatkan diri dalam Sukarelawan 1Mindef ini khusus bagi mereka yang berminat dalam aktiviti kesukarelawan.

Untuk permulaan, seramai 2,500 Sukarelawan 1Mindef akan digerakkan hari ini. Sebahagiannya sudah berada di Manek Urai, untuk melaksanakan kerja-kerja sukarelawan membantu mangsa banjir. Melalui inisiatif ini, Sukarelawan 1Mindef ditugaskan melaksanakan pembersihan di sekolah, rumah mangsa-mangsa banjir yang mengalami kerosakan teruk serta tempat-tempat awam.

Memandangkan Manek Urai telah dipilih sebagai kawasan angkat Kementerian Pertahanan sempena banjir kali ini, maka Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) ATM akan turut dilibatkan dalam membantu kerja-kerja membaik pulih rumah yang rosak teruk di kawasan tersebut.

Usaha kesukarelaan ini akan diteruskan bukan sahaja di Kelantan, tetapi juga di negeri-negeri lain yang dilanda banjir. Ia adalah sebahagian daripada komitmen dan keprihatinan Kementerian Pertahanan untuk bersama-sama meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir.

Sementara itu, setakat semalam (3 Januari 2015), pihak ATM telah melaksanakan sebanyak 310 penerbangan (sortie) menggunakan aset-aset udara TUDM bagi

menjayakan operasi Ops Murni di seluruh negara, iaitu sejak 25 Disember 2014 lalu. Manakala sebanyak 740 tan bekalan banjir telah disalurkan ke negeri-negeri terlibat banjir, melalui penerbangan-penerbangan ini.

Khusus untuk Pusat Pengumpulan Bekalan Banjir di Pangkalan Udara TUDM Subang, sehingga semalam, sebanyak 2,679 tan bekalan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,561 tan bekalan telah diagihkan ke kawasan banjir yang melibatkan 1,991 tan diagihkan melalui darat dan 570 tan melalui udara (57 sortie). Baki bekalan yang masih belum diagihkan di pusat tersebut setakat semalam ialah 118 tan.

Selain itu, 4 pusat kecil pengumpulan bekalan (sub centre) yang ditubuhkan di Kedah, Melaka dan Perak telah beroperasi sepenuhnya dan sudah mula menerima sumbangan pelbagai pihak dari kawasan berhampiran. Sumbangan ini sebahagiannya telah mula diagihkan ke kawasan banjir yang berdekatan.

Semalam, seramai 3,747 anggota ATM bertugas di barisan hadapan untuk membantu operasi Ops Murni di seluruh negara. Dari segi aset ATM pula, semalam, antara yang digerakkan ialah 2 buah helikopter Nuri, 7 buah helikopter Agusta, 6 helikopter EC725, 2 pesawat C130, 2 helikopter Fennec, 2 helikopter Super Lynx, 128 trak 3 tan, 75 bot, 88 enjin bot OBM, 29 Land rover, 25 trak 7 tan TATRA, 4 water treler, 21 Dapur Medan, 7 ambulan, 1 kereta jenazah, 1 bas, 2 pacuan 4 roda, 2 van, pasukan selam dan pasukan perubatan.

Dalam pada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa bantuan 5 buah Water Purification Unit (WPU) oleh Tentera Darat Singapura telah mula digunakan di Kelantan. 3 Set WPU bersama 3 pegawai dan 15 anggota Tentera Darat Singapura (HQ Guard terdiri daripada infantri, logistik dan mekanik) serta 1 pegawai dan 5 anggota dari Pasukan 7 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) telah digerakkan pada 31 Disember 2014 lalu untuk pemasangan dan penempatan di Pejabat Tanah dan Jajahan Machang, Kelantan.

Manakala 2 set WPU lagi bersama 3 pegawai dan 15 anggota dari Pasukan Pertahanan Awam Singapura serta 1 pegawai dan 5 anggota dari 7 RAJD telah ditempatkan di Kuala Krai, Kelantan pada 31 Disember 2014 lalu. 2 WPU ini telah beroperasi serta dimanfaatkan oleh penduduk kampung berdekatan.

Bantuan WPU ini menggambarkan keprihatinan kerajaan Singapura terhadap keperitan yang dihadapi Malaysia ketika bencana banjir kali ini.

- tamat -

Kenyataan Media
YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein
Menteri Pertahanan Malaysia

Sumbangan BAKAT dan Perkembangan Terkini Ops Murni

Subang, 06 Januari 2015

Hari ini Badan Kebajikan Angkatan Tentera Malaysia (BAKAT) telah menyampaikan sumbangan barang berupa 1,000 helai teleung, 1,000 helai tudung dan 1,000 helai sejahtera kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk diagihkan kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan.

Selain sumbangan barang ini, seramai 30 sukarelawan BAKAT turut bertugas secara bergilir pada setiap hari di Pusat Pengumpulan Bekalan Banjir di Pangkalan Udara TUDM Subang bagi membantu menguruskan sumbangan-sumbangan yang diterima daripada pelbagai pihak. Sumbangan barang dan penugasan di Pusat Pengumpulan Bekalan Banjir ini menunjukkan rasa prihatin BAKAT terhadap nasib malang yang menimpa mangsa-mangsa banjir di seluruh negara.

Sementara itu, setakat semalam (5 Januari 2015), pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melaksanakan sebanyak 312 penerbangan (sortie) menggunakan aset-aset udara TUDM bagi menjayakan operasi Ops Murni di seluruh negara, iaitu sejak 25 Disember 2014 lalu. Manakala sebanyak 748.6 tan bekalan banjir telah disalurkan ke negeri-negeri terlibat banjir, melalui penerbangan-penerbangan ini.

Khusus untuk Pusat Pengumpulan Bekalan Banjir di Pangkalan Udara TUDM Subang, sehingga semalam, sebanyak 3,256 tan bekalan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,999.6 tan bekalan telah diagihkan ke kawasan banjir yang melibatkan 2,242 tan diagihkan melalui darat dan 757.6 tan melalui udara (61 sortie). Baki bekalan yang masih belum diagihkan di pusat tersebut setakat semalam ialah 256.4 tan.

Manakala sehingga semalam, Depoh Simpanan Pertahanan (DSP) di Sungai Buloh pula telah membuat penghantaran sebanyak 179 tan ke kawasan-kawasan banjir di seluruh negara.

Selain itu, 4 pusat kecil pengumpulan bekalan (sub centre) yang ditubuhkan di Kedah, Melaka dan Perak (2 buah) telah beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari lalu dan sudah menerima sumbangan pelbagai pihak dari kawasan berhampiran. Sumbangan ini pulak telah mula diagihkan ke kawasan-kawasan banjir.

Batalion Ke-6 Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (6 RAMD), Jitra, Kedah telah menerima 15 tan bekalan dan kesemuanya telah diagihkan. Dewan Serbaguna Markas 3 Divisyen, Kem Terendak, Melaka telah menerima 8 tan bekalan dan 7 tan telah diagihkan. Dewan 2 Briged, Markas Staf Stesen Ipoh, Perak, telah menerima 62 tan bekalan dan kesemuanya telah diagihkan. Manakala Dewan Piyuntinan,

Batalion Ke-2 Rejimen Renjer Diraja, Kem Syed Putra, Jalan Tambun, Ipoh, Perak telah menerima 20 tan bekalan dan kesemuanya telah diagihkan.

Semalam, seramai 3,718 anggota ATM bertugas di barisan hadapan untuk membantu dalam Ops Murni di seluruh negara. Jumlah ini melibatkan 288 pegawai dan 3,430 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Dari segi aset ATM pula, semalam, antara yang digerakkan ialah 1 helikopter Nuri, 4 helikopter EC725, 1 helikopter Fennec, 1 helikopter Super Lynx, 2 pesawat C130, 4 helikopter Agusta, 78 bot, 89 enjin bot OBM, 29 Land rover, 135 trak 3 tan, 25 trak 7 tan (TATRA), 21 Dapur Medan, 8 ambulan, 1 bas, 2 pacuan 4 roda, 1 kereta jenazah, 1 van, 4 water treler, dan pasukan perubatan.

Sehingga hari ini, seramai 2,535 warga Kementerian Pertahanan dikenal pasti terlibat dengan banjir di seluruh negara. Jumlah ini melibatkan 388 kakitangan awam Kementerian Pertahanan, 1,238 anggota ATM dan 909 veteran ATM.

=tamat=



Siaran
AKHBAR

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTAHANAN

KP/UKK/SPM/010/004 – (02/07)

KENYATAAN MEDIA BERKAITAN ISU ETIKA PEMAKAIAN
DI KEMENTERIAN PERTAHANAN

Merujuk kepada laporan akhbar The Star hari ini, Kementerian Pertahanan ingin menegaskan bahawa Kod Etika Pemakaian tidak hanya dikuatkuasakan kepada wartawan sahaja malah turut tertakluk kepada semua tetamu yang berurusan dengan Kementerian Pertahanan.

Dalam menguatkuasakan etika pemakaian ini, garis panduan umum mewajibkan semua pelawat untuk berpakaian sopan (baju berkollar dan berlengan, seluar panjang dan skirt di bawah paras lutut) serta tidak mendedahkan tubuh atau menjolok mata. Sekiranya pelawat didapati tidak mematuhi kod etika pemakaian yang sudah ditetapkan, pelawat tidak akan dibenarkan masuk untuk berurusan.

Di dalam isu yang ditimbulkan oleh wartawan akhbar berkenaan semasa menghadiri Majlis Penyampaian Bungkusan Hari Raya kepada Angkatan Tentera Malaysia pada 2 Julai 2015, beliau telah memakai skirt di atas paras lutut. Ini jelas telah tidak mengikuti peraturan tatacara pemakaian yang ditetapkan dan petugas di kaunter Balai Pengawal Kementerian Pertahanan menjalankan tugas sebagaimana yang telah diarahkan. Malahan gambar tentang tatacara pemakaian pelawat ke Kementerian Pertahanan juga ada dipamerkan di Balai Pengawal tersebut.

Isu pemakaian yang ditimbulkan bukanlah suatu perkara baru dan peraturan ini telah lama dikuatkuasakan di Kementerian Pertahanan. Justeru itu, dalam melaksanakan peraturan sedia ada, Kementerian Pertahanan memohon kerjasama daripada semua pihak termasuk agensi media untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

-TAMAT-

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertahanan Malaysia
3 Julai 2015**